

Graduan kelas pertama luar negara diberi keutamaan

Tawaran berkhidmat dalam sektor awam



BAGAN DATOH – Graduan yang memperoleh ijazah kelas pertama dari pusat pengajian tinggi luar negara diberi keutamaan untuk berkhidmat dalam sektor awam di negara ini.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Datuk R. Segarajah berkata (**gambar**), lulusan cemerlang tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kerajaan ne-

geri diberi keutamaan untuk bekerja dalam sektor awam.

“Mereka (lulusan) akan melalui temu duga untuk membolehkan mereka membuat pilihan atau dilantik terus ke dalam perkhidmatan kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sesi interaksi SPA bersama ketua jabatan Persekutuan, badan-badan berkanun dan pertubuhan

bukan kerajaan daerah Hilir Perak di sini semalam.

Menurut beliau, sekiranya graduan tersebut tidak mahu berkhidmat dalam sektor awam, mereka dibenarkan bekerja di sektor swasta melalui pengurusan Talent Corporation Malaysia Berhad.

Katanya, setakat ini seramai 100 lulusan cemerlang dari pusat pengajian tinggi luar negara ditawarkan untuk berkhidmat dalam sektor awam.